



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	17/11/2019	MUKA SURAT : 4
JABATAN	:	UMUM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Projek mega Pulau Bayas terbengkalai

'Projek jejas rantaian ekosistem semula jadi'

Kesân pencemaran tercetis sejak awal pembinaan zon bebas cukai

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesuteraan me-nyiapkan projek zon bebas cukai di Pulau Bayas, dekat Tasik Kenyir, mencerminkan cadangan pembinaan kompleks berkeluasan lebih 65,000 hektar berkenaan adalah tidak bernas, malah meng-ganggu rantaian ekosistem alam semula jadi.

Kesan pencemaran, khususnya terhadap kualiti air di tasik bua-tan manusia kedua terbesar di

Asia Tenggara itu dikatakan ter-cetus sejak awal pembinaan mem-batkan kerja pecah tanah dan penggunaan bahan petrol untuk operasi jentera berat.

Berikutan pembukaan kawasan hutan di sekitar kawasan itu, mendakan tanah yang mengalir ke dalam sungai turut menyun-bang kepada penyusutan kualiti air dan perubahan permukaan da-sar tasik.

Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata pel-bagai pihak mula mempersoalkan kewajaran cadangan pembinaan zon bebas cukai itu ketika ia di-ketengahkan pada enam atau tu-juh tahun lalu.

Antara isu utama melingkari projek tersebut adalah pemilihan lokasi yang disifatkan tidak me-nguntungkan penjual kerana ba-



Dr Ibrahim Komoo

kal meningkatkan kos logistik, se-lain kemungkinan kadar kema-sukan pelancong ke kawasan itu adalah sangat kurang.

Sehubungan itu, cadangan ba-las yang dutarakan kepada ke-rajaan negeri adalah supaya zon bebas cukai sedemikian diba-ngunkan di kawasan piritu masuk utama atau yang berupaya diak-ses oleh kenderaan.



Keratan akhbar BH, semalam.

"Pencemaran sebenarnya su-dah berlaku sejak fasa pertama penerokaan kawasan yang lazim-nya berkaitan isu hakisan tanah dan mendakan di dasar tasik, se-lain pencemaran susulan peng-gunaan bahan petrol ketika fasa kedua atau pembinaan.

"Apabila sudah siap, isu pence-marahan alam sekitar mungkin terjadi ekoran pereputan struktur bangu-nan, namun persoalannya sekarang ialah projek ini sudah tergendala dan kini menanti nasib sama ada diteruskan atau sebaliknya.

"Kita ketepikan isu pencemaran jika bangunan ini dibartkan ter-gendala dan menjadi 'gajah putih' kerana yang perlu ditimbulkan

ialah mengapa projek zon bebas cukai ini didirikan di kawasan ter-babit pada mulanya, sedangkan ada tempat strategik lain," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kerajaan Terengganu pada Khamis lalu membayangkan tidak meneruskan projek Pulau Bayas sebagai zon bebas cukai yang ke-tika ini siap 77 peratus dan mem-batalkan penyalaran belanja pe-runtukan kira-kira RM200 juta.

Projek yang tergendala hampir dua tahun itu kini menanti nasib untuk terus dimajukan, sekali gus muncul sebagai zon bebas cukai pertama di Terengganu sekiranya mendapat suntikan dana daripada mana-mana syarikat swasta.